



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN SEMULA LALUAN FT185 LOJING - GUA MUSANG, KELANTAN

Laluan FT185 Lojing – Gua Musang telah ditutup sejak 24 Disember 2014 akibat daripada runtuhannya tanah di tiga (3) lokasi dan runtuhannya batu-batu besar di satu (1) lokasi di sepanjang laluan yang berlaku secara berturutan dan menyebabkan laluan tersebut terputus. Ianya berlaku ekoran daripada taburan hujan yang luar biasa di kawasan tadahan pada bulan Disember tahun 2014 yang menyebabkan kejadian banjir dan mendapan jalan luar biasa berlaku di Pantai Timur.

Lokasi-lokasi kejadian jalan runtuh adalah di Seksyen 110, Seksyen 116 dan Seksyen 119, manakala runtuhannya batu-batu yang besar berlaku di Seksyen 110.2. Kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh Jurutera Jajahan Gua Musang bersama syarikat konsesi Roadcare Sdn Bhd. Tiga (3) daripada lokasi – lokasi tersebut telah siap dibina jalan lencongan dengan kaedah penanaman cerucuk keping serta membersihkan lokasi runtuhannya. Lokasi terakhir adalah di Seksyen 110.2 melibatkan kerja-kerja meletupkan dan membersihkan batuan besar di atas jalanraya dan membuang batuan dan tanah longgar pada permukaan cerun.

Semakan terakhir telah dilaksanakan pada pagi 14hb Februari 2015 dan JKR Kelantan berpuas hati bahawa segala peraturan telah dilaksanakan dan telah mencapai tahap keselamatan untuk membolehkan Laluan FT185 Lojing – Gua Musang ini dibuka untuk kegunaan awam.

Dengan ini saya mengisytiharkan Laluan FT185 Lojing – Gua Musang di buka semula kepada awam bermula pada 16hb Februari 2015 jam 12.00 tengahari. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama untuk membolehkan satu dari laluan utama negara ini disediakan untuk kegunaan rakyat.

YB DATO' SRI FADILLAH YUSOF

**MENTERI KERJA RAYA
16 FEBRUARI 2015
10.00 PAGI**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my